



UTM.J.04.02/10.12/5 (05)

03 Ogos 2017
10 Zulkaedah 1438H

**PEKELILING PERPUSTAKAAN BIL. 3/2017
UNIVERSITI TEKNOLOGI MALAYSIA**

**POTONGAN GAJI STAF AM DAN AKADEMIK SECARA TERUS BAGI
MENJELASKAN DENDAAN YANG MELAMPAUI TEMPOH PINJAMAN DAN
DENDAAN BAYARAN BUKU/BAHAN PERPUSTAKAAN YANG DIHILANGKAN**

Adalah dimaklumkan Mesyuarat Senat Bil. 10/2016/2017 yang telah diadakan pada 5 Jun 2017 telah memutuskan potongan gaji staf am dan akademik secara terus untuk tujuan :

- i) Menjelaskan dendaan yang telah melampaui tempoh pinjaman,
- ii) Menjelaskan dendaan bayaran buku/bahan Perpustakaan yang dihilangkan,
- iii) Tidak menggalakkan penyimpanan buku terlalu lama (hoarding of books),
- iv) Menampung kos pengurusan sumber yang terhad supaya lebih berkesan.

Kaedah potongan gaji adalah seperti berikut :

- i) Potongan gaji akan dibuat apabila tiada respon daripada staf yang berkenaan selepas Notis Terakhir (Notis Keempat) dan surat kebenaran potongan gaji dihantar.
- ii) Tempoh yang diberikan kepada staf berkaitan memberi respon ialah satu (1) bulan daripada Notis Terakhir.
- iii) Selepas satu (1) bulan, Perpustakaan UTM akan memaklumkan kepada Pejabat Bendahari untuk urusan potongan gaji.
- iv) Cadangan potongan gaji maksima mengikut ansuran ialah RM200.00 sebulan sehingga selesai.

Pekeling ini berkuatkuasa mulai dari tarikh kelulusan Mesyuarat Senat Bil. 10/2016/2017 iaitu 5 Jun 2017.

Sekian dimaklumkan, terima kasih.

“ BERKHIDMAT UNTUK NEGARA KERANA ALLAH ”

Yang benar,


DR. KAMARIAH BINTI NOR MOHD DESA
Ketua Pustakawan
Perpustakaan UTM
Universiti Teknologi Malaysia
UTM Johor Bahru
03 Ogos 2017

- s.k - YBhg. Datuk Naib Canselor
 - YBhg. Timbalan Naib Canselor (Akademik & Antarabangsa)
 - YBhg. Timbalan Naib Canselor (Pembangunan)
 - YBhg. Timbalan Naib Canselor (Hal Ehwal Mahasiswa & Alumni)
 - YBhg. Timbalan Naib Canselor (Penyelidikan & Inovasi)
 - YBhg. Pendaftar
 - YBhg. Bendahari.